

Persetujuan bersama Malaysia, Afrika Selatan akan dilaksana

UM - 4 SEP 2003

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi jaminan kepada Afrika Selatan bahawa Malaysia akan terus melaksanakan semua perkara yang menjadi persetujuan bersama antara kedua-dua negara apabila beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri kelak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, semua perkara yang dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki sebelum ini akan diteruskan.

Malah Abdullah menegaskan bahawa beliau mahu melihat hubungan baik Malaysia dengan Afrika Selatan diperluas dan diperkukuhkan lagi memandangkan banyak perkara yang boleh diusahakan secara bersama untuk faedah kedua-dua negara.

"Kami berbincang mengenai usaha-usaha yang perlu diambil untuk menjayakan persetujuan-persetujuan yang dibuat antara Presiden Thabo Mbeki dan Dr. Mahathir.

"Saya telah memberi jaminan kepada beliau tidak ada masalah untuk melaksanakan apa-apa yang telah diputuskan antara dua-dua ketua kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Mbeki di hotel penginapan Presiden Afrika Selatan itu di sini hari ini.

Mbeki melakukan lawatan rasmi selama tiga hari bermula semalam dan dijangka menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan serta memorandum persefahaman mengenai penubuhan suruhanjaya bersama.

Pada pertemuan itu, Abdullah turut membincangkan mengenai peranan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) memandangkan Afrika

Selatan sebagai anggota Troika NAM yang masih mempunyai pengaruh besar dalam pergerakan itu.